



1 Surah Al-Baqarah: 43

Dan dirikanlah kamu akan sembahyang dan keluarkanlah Zakat dan rukuklah kamu semua (berjemaah) bersama-sama orang-orang yang rukuk.

Surah Al-Baqarah: 43

And establish prayer, and pay the Zakat, and bow with those that bow.

2 Surah Al-Baqarah: 83

Dan (ingatlah wahai Muhammad), ketika Kami mengikat perjanjian setia dengan Bani Israil (dengan berfirman): Janganlah kamu menyembah melainkan Allah dan berbuat baiklah kepada kedua ibu bapa dan kaum kerabat dan anak-anak yatim, serta orang-orang miskin dan katakanlah kepada sesama manusia perkataan-perkataan yang baik dan dirikanlah sembahyang serta berilah Zakat. Kemudian kamu berpaling membelakangkan (perjanjian setia kamu itu) kecuali sebahagian kecil dari kamu; dan sememangnya kamu orang-orang yang tidak menghiraukan perjanjian setianya.

Surah Al-Baqarah: 83

And when We made a covenant with the Children of Israel: 'You shall not worship any other than God; and to be good to parents, and the near of kin; and to orphans, and to the needy; and speak well to men; and observe prayer and pay the Zakat, then you turned away; all but a few of you, rejecting.

3 Surah Al-Baqarah: 110

Dan dirikanlah oleh kamu akan sembahyang dan tunaikanlah Zakat dan apa jua yang kamu dahulukan dari kebaikan untuk diri kamu, tentulah kamu akan mendapat balasan pahalanya di sisi Allah. Sesungguhnya Allah sentiasa Melihat segala yang kamu kerjakan.

Surah Al-Baqarah: 110

And perform the prayer, and pay the Zakat; whatever good you shall offer for your own souls, you shall find it with God; assuredly God sees what you do.

4 Surah Al-Baqarah: 177

Bukanlah perkara kebajikan itu hanya kamu menghadapkan muka ke pihak timur dan barat, tetapi kebajikan itu ialah berimannya seseorang kepada Allah dan hari akhirat dan segala malaikat dan segala Kitab dan sekalian Nabi dan mendermannya seseorang akan hartanya sedang dia menyayangnya, kepada kaum kerabat dan anak-anak yatim dan orang-orang miskin dan orang yang terlantar dalam perjalanan dan kepada orang-orang yang meminta dan untuk memerdekakan hamba-hamba abdi dan mengerjanya seseorang akan sembahyang serta mengeluarkan Zakat dan perbuatan orang-orang yang menyempurnakan janjinya apabila mereka membuat perjanjian dan ketabahan orang-orang yang sabar dalam masa kesempitan dan dalam masa kesakitan dan juga dalam masa bertempur dalam perjuangan perang Sabil. (Orang-orang yang demikian sifatnya), mereka itulah orang-orang yang benar (beriman dan mengerjakan kebajikan) dan mereka itulah juga orang-orang yang bertakwa.

Surah Al-Baqarah: 177

It is not piety, that you turn your faces to the East and to the West. True piety is [that of] the one who believes in God and the Last Day and the angels and the Book and the prophets, and who gives of his substance, however cherished to kinsmen and orphans and the needy and the traveller and beggars, and for slaves, and who observes prayer and pays the Zakat, and those who fulfil their covenant when they have engaged in a covenant, those who endure with fortitude misfortune, hardship, and peril are the ones who are truthful, and these are the ones who are fearful.

5 Surah Al-Baqarah: 261

Bandingan (derma) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji dan (ingatlah), Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendakiNya dan Allah Maha Luas (rahmat) kurniaNya, lagi Meliputi ilmu pengetahuannya.

Surah Al-Baqarah: 261

The likeness of those who expend their wealth in the way of God is as the likeness of a grain of corn that sprouts seven ears, in every ear a hundred grains; so God multiplies for whom He will; God is Embracing, Knowing.



6 Surah Al-Baqarah: 263

(Menolak peminta-peminta sedekah) dengan perkataan yang baik dan memaafkan (kesilapan mereka) adalah lebih baik daripada sedekah (pemberian) yang diiringi (dengan perbuatan atau perkataan yang) menyakitkan hati dan (ingatlah), Allah Maha Kaya, lagi Maha Penyabar.

Surah Al-Baqarah: 263

Honourable words and forgiveness are better than a voluntary almsgiving followed by injury; and God is Independent, Forbearing.

7 Surah Al-Baqarah: 265

Dan bandingan orang-orang yang membelanjakan hartanya kerana mencari kerediaan Allah dan kerana meneguhkan (iman dan perasaan ikhlas) yang timbul dari jiwa mereka, adalah seperti sebuah kebun di tempat yang tinggi, yang ditimpa hujan lebat, lalu mengeluarkan hasilnya dua kali ganda. Kalau ia tidak ditimpa hujan lebat maka hujan renyai-renyai pun (cukup untuk menyiraminya) dan (ingatlah), Allah sentiasa Melihat akan apa yang kamu lakukan.

Surah Al-Baqarah: 265

But the likeness of those who expend their wealth, seeking God's good pleasure, and to confirm themselves is as the likeness of a garden upon a hill; a torrent smites it and it yields its produce twofold; if no torrent smites it, then dew, and God sees what you do.

8 Surah Al-Baqarah: 267

Wahai orang-orang yang beriman! Belanjakanlah (pada jalan Allah) sebahagian dari hasil usaha kamu yang baik-baik dan sebahagian dari apa yang Kami keluarkan dari bumi untuk kamu dan janganlah kamu sengaja memilih yang buruk daripadanya (lalu kamu dermakan atau kamu jadikan pemberian zakat), padahal kamu sendiri tidak sekali-kali akan mengambil yang buruk itu (kalau diberikan kepada kamu), kecuali dengan memejamkan mata padanya dan ketahuilah, sesungguhnya Allah Maha Kaya, lagi sentiasa Terpuji.

Surah Al-Baqarah: 267

O you who believe, expend of the good things you have earned, and of what We have produced for you from the earth, and seek not the corrupt of it for your expending; for you would never take it yourselves without closing your eyes to it; and know that God is Independent, Laudable.

9 Surah Al-Baqarah: 270

Dan (ketahuilah), apa sahaja yang kamu belanjakan (dermakan) atau apa sahaja yang kamu nazarkan maka sesungguhnya Allah mengetahuinya dan (ingatlah), orang-orang yang zalim itu tidak ada sesiapa pun yang dapat menolongnya.

Surah Al-Baqarah: 270

And whatever expenditure you expend, and whatever vow you make, surely God knows it. For the evildoers, they have no helpers.

10 Surah Al-Baqarah: 274

Orang-orang yang membelanjakan (mendermakan) hartanya pada waktu malam dan siang, dengan cara sulit atau terbuka, maka mereka beroleh pahala di sisi Tuhan mereka dan tidak ada kebimbangan (dari berlakunya kejadian yang tidak baik) terhadap mereka, serta mereka pula tidak akan berdukacita.

Surah Al-Baqarah: 274

Those who expend their wealth night and day, secretly and openly, their wage awaits them with their Lord, and no fear shall befall them, neither shall they grieve.

11 Surah Al-Baqarah: 276

Allah susutkan (kebaikan harta yang dijalankan dengan mengambil) riba dan Dia pula mengembangkan (berkat harta yang dikeluarkan) sedekah-sedekah dan Zakatnya. Dan Allah tidak suka kepada tiap-tiap orang yang kekal terus dalam kekufuran dan selalu melakukan dosa.

Surah Al-Baqarah: 276

God effaces usury, but He augments voluntary almsgivings with interest. God loves not any guilty ingrate.

12 Surah Al-Baqarah: 277

Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan beramal soleh dan mengerjakan sembahyang serta memberikan Zakat, mereka beroleh pahala di sisi Tuhan mereka dan tidak ada kebimbangan (dari berlakunya sesuatu yang tidak baik) terhadap mereka dan mereka pula tidak akan berdukacita.

Surah Al-Baqarah: 277

Those who believe and perform righteous deeds, and establish the prayer, and pay the Zakat - their wage awaits them with their Lord, and no fear shall befall them, neither shall they grieve.



13 Surah Al 'Imran: 92

Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebajikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu dermakan sebahagian dari apa yang kamu sayangi. Dan sesuatu apa jua yang kamu dermakan maka sesungguhnya Allah mengetahuinya.

Surah Al 'Imran: 92

You will not attain piety until you expend of what you love; and whatever thing you expend, God knows of it.

14 Surah Al 'Imran: 133 - 134

Dan segeralah kamu kepada (mengerjakan amal-amal yang baik untuk mendapat) keampunan dari Tuhan kamu dan (mendapat) Syurga yang bidangnya seluas segala langit dan bumi, yang disediakan bagi orang-orang yang bertakwa. (133) Iaitu orang-orang yang mendermakan hartanya pada masa senang dan susah dan orang-orang yang menahan kemarahannya dan orang-orang yang memaafkan kesalahan orang dan (ingatlah), Allah mengasihi orang-orang yang berbuat perkara-perkara yang baik. (134)

Surah Al 'Imran: 133 - 134

And vie with one another hastening to forgiveness from your Lord, and to a garden as wide as the heavens and the earth that has been prepared for those who fear. (133) Who expend in prosperity and adversity, and restrain their rage, and pardon their fellow-men; and God loves those who are virtuous. (134)

15 Surah Al-Nisa': 77

Tidakkah engkau (hairan) melihat (wahai Muhammad), akan orang-orang yang (pernah) dikatakan kepada mereka: Tahanlah tangan kamu (daripada bertindak melancarkan perang yang belum diizinkan) dan dirikanlah sembahyang serta berikanlah Zakat. (Mereka meminta juga hendak berperang), kemudian apabila mereka diperintahkan berperang, tiba-tiba sepuak di antara mereka merasa gerun kepada manusia sama seperti mereka merasa gerun kepada (azab) Allah atau lebih gerun lagi. Lalu mereka (merayu kepada Allah dengan) berkata: Wahai Tuhan kami, mengapa Engkau wajibkan kami berperang (pada saat ini)? Mengapa Engkau tidak biarkan kami hingga ke tempoh yang singkat (iaitu akhir hayat kami)? Katakanlah (wahai Muhammad): Harta benda yang menjadi kesenangan di dunia ini adalah sedikit sahaja, (dan akhirnya akan lenyap) dan (balasan) hari akhirat itu lebih baik lagi bagi orang-orang yang bertakwa (kerana ia lebih mewah dan kekal selama-lamanya) dan kamu pula tidak akan dianiaya sedikit pun.

Surah Al-Nisa': 77

Have you not seen those to whom it was said, 'Restrain your hands, and establish the prayer, and pay the alms'? Then, as soon as fighting was prescribed for them, lo, a party of them fear people as they would fear God, or with more fear and they said, 'Our Lord, why have You prescribed fighting for us? Why not defer us to a near term?' Say, 'The enjoyment of this world is trifling; and the Hereafter is better for him who fears; and you shall not be wronged, a single date-thread.

16 Surah Al-Nisa': 162

Tetapi orang-orang yang teguh serta mendalam ilmu pengetahuannya di antara mereka dan orang-orang yang beriman, sekaliannya beriman dengan apa yang telah diturunkan kepadamu (Al-Quran) dan kepada apa yang telah diturunkan dahulu daripadamu, khasnya orang-orang yang mendirikan sembahyang dan orang-orang yang menunaikan Zakat, serta yang beriman kepada Allah dan hari akhirat; mereka itulah yang Kami akan berikan kepadanya pahala (balasan) yang amat besar.

Surah Al-Nisa': 162

But those of them who are firmly rooted in knowledge, and the believers, believing in what has been revealed to you, and what was revealed before you, and those who observe the prayer; and pay the Zakat, and those who believe in God and the Last Day - to them We shall surely give a great wage.



17 Surah Al-Ma'idah: 12

Dan demi sesungguhnya! Allah telah mengambil perjanjian setia Bani Israil (supaya mereka menjunjung perintahNya dan menjauhi laranganNya) dan Kami telah utuskan dari kalangan mereka dua belas ketua (untuk memimpin golongan masing-masing); dan Allah berfirman (kepada mereka): Bahawa Aku adalah beserta kamu (memerhati segala-galanya). Demi sesungguhnya jika kamu dirikan sembahyang, serta kamu tunaikan Zakat dan kamu beriman dengan segala Rasul (utusanKu) serta menolong bantu mereka (dalam menegakkan agama Allah) dan kamu pinjamkan Allah (dengan sedekah dan berbuat baik pada jalanNya) secara pinjaman yang baik (bukan kerana riak dan mencari keuntungan dunia), sudah tentu Aku akan ampunkan dosa-dosa kamu, dan Aku akan masukkan kamu ke dalam Syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai. Oleh itu, sesiapa yang kufur ingkar di antara kamu sesudah yang demikian, maka sesungguhnya sesatlah dia dari jalan yang betul.

Surah Al-Ma'idah: 12

God had made a covenant with the Children of Israel, and We raised up from among them twelve leaders. And God said: 'I am with you. Surely if you establish the prayer, and pay the Zakat, and believe in My messengers and succour them, and lend to God a goodly loan, I will absolve you of your evil deeds, and I will admit you to gardens underneath which rivers flow. So whoever of you disbelieves after that, surely he has strayed from the right way'.

18 Surah Al-Ma'idah: 55

Sesungguhnya Penolong kamu hanyalah Allah dan RasulNya, serta orang-orang yang beriman, yang mendirikan sembahyang dan menunaikan Zakat, sedang mereka rukuk (tunduk menjunjung perintah Allah).

Surah Al-Ma'idah: 55

Your patron is God only, and His Messenger, and the believers who establish prayer and pay the Zakat, bowing down.

19 Surah Al-An'am: 141

Dan Dialah (Allah) yang menjadikan (untuk kamu) kebun-kebun yang menjalar tanamannya dan yang tidak menjalar dan pohon-pohon tamar (kurma) dan tanaman-tanaman yang berlainan (bentuk, rupa dan) rasanya dan buah zaitun dan delima, yang bersamaan (warnanya atau daunnya) dan tidak bersamaan (rasanya). Makanlah dari buahnya ketika ia berbuah dan keluarkanlah haknya (Zakatnya) pada hari memetik atau menuainya dan janganlah kamu melampau (pada apa-apa jua yang kamu makan atau belanjakan); sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang melampau.

Surah Al-An'am: 141

And He it is Who produces gardens, trellised and untrellised, and palm-trees, and crops diverse in flavour, and olives, and pomegranates, alike and unlike. Eat of the fruit thereof when it ripens, and pay the due thereof on the day of its harvest, and do not be prodigal. Truly, God does not love the prodigal.

20 Surah Al-A'raf: 156

Dan tetapkanlah untuk Kami kebaikan dalam dunia ini dan juga di akhirat, sesungguhnya kami kembali (bertaubat) kepadaMu. Allah berfirman: AzabKu akan Aku timpakan kepada sesiapa yang Aku kehendaki dan rahmatKu meliputi tiap-tiap sesuatu; maka Aku akan menentukannya bagi orang-orang yang bertakwa dan yang memberi Zakat, serta orang-orang yang beriman kepada ayat-ayat Kami.

Surah Al-A'raf: 156

And prescribe for us in this world good and in the Hereafter. We have turned to You'. He says: 'My chastisement - I smite with it whom I will, and My mercy embraces all things, and so I shall prescribe it for those who are God-fearing and pay the Zakat, and those who believe in Our signs;

21 Surah Al-Anfal: 2-3

Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu (yang sempurna imannya) ialah mereka yang apabila disebut nama Allah (dan sifat-sifatNya) gementarlah hati mereka dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayatNya, menjadikan mereka bertambah iman dan kepada Tuhan mereka jualah mereka berserah. (2) Iaitu orang-orang yang mendirikan sembahyang dan yang mendermakan sebahagian dari apa yang Kami kurmikan kepada mereka. (3)

Surah Al-Anfal: 2-3

The believers are only those who, when God is mentioned, their hearts tremble, and when His verses are recited to them, they increase their faith, and who rely upon their Lord. (2) Those who observe the prayers, and who expend, from that with which We have provided them. (3)



22 Surah Al-Tawbah: 5

Kemudian apabila habislah (masa) bulan-bulan yang dihormati itu maka bunuhlah orang-orang musyrik itu di mana sahaja kamu menemuinya dan tawanlah mereka, dan juga kepunglah mereka, serta tunggulah mereka di tiap-tiap tempat mengintipnya. Kemudian jika mereka bertaubat (dari kekufurannya) dan mendirikan sembahyang serta memberi Zakat, maka biarkanlah mereka (jangan diganggu). Sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.

Surah Al-Tawbah: 5

Then, when the sacred months have passed, slay the idolaters wherever you find them, and take them, and confine them, and lie in wait for them at every place of ambush. But if they repent, and establish prayer and pay the Zakat, then leave their way free. God is Forgiving, Merciful.

23 Surah Al-Tawbah: 11

Oleh itu, jika mereka bertaubat (dari kekufuran) dan mendirikan sembahyang serta memberi Zakat, maka mereka itu adalah saudara kamu yang seagama dan Kami menjelaskan ayat-ayat keterangan Kami satu persatu bagi kaum yang mahu mengetahui.

Surah Al-Tawbah 11

Yet if they repent and establish prayer and pay the Zakat, then they are your brothers in religion; and We detail the signs for a people who know.

24 Surah Al-Tawbah: 18

Hanyasanya yang layak memakmurkan (menghidupkan) masjid-masjid Allah itu ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat serta mendirikan sembahyang dan menunaikan Zakat dan tidak takut melainkan kepada Allah, (dengan adanya sifat-sifat yang tersebut) maka adalah diharapkan mereka menjadi dari golongan yang mendapat petunjuk.

Surah Al-Tawbah: 18

Only he shall attend God's places of worship who believes in God and the Last Day, and observes prayer, and pays the Zakat, and fears none but God alone; it may be that those will be among the rightly guided.

25 Surah Al-Tawbah: 58

Dan di antara mereka ada yang mencelamu (wahai Muhammad) mengenai (pembahagian) sedekah-sedekah (Zakat); oleh itu jika mereka diberikan sebahagian daripadanya (menurut kehendak mereka), mereka suka (dan memandangnya adil) dan jika mereka tidak diberikan dari Zakat itu (menurut kehendaknya), (maka) dengan serta-merta mereka marah.

Surah Al-Tawbah: 58

Some of them defame you concerning the voluntary almsgivings; if they are given a share of them, they are content, but if they are given none then they are enraged.

26 Surah Al-Tawbah: 60

Sesungguhnya Zakat itu adalah untuk orang fakir, miskin, para amil, muallaf yang dijinakkan hatinya, hamba yang hendak membebaskan dirinya, orang yang berhutang, orang yang berjuang pada jalan Allah dan musafir yang terkandas. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.

Surah Al-Tawbah: 60

Zakat is for the poor, the needy, the amil (those employed to administer the funds), the muallaf (those who have embraced Islam), for the freeing of those in bondage and in debt, for those who strive in the cause of Allah and for the stranded wayfarer - a duty imposed by God. And God is Knower, Wise.

27 Surah Al-Tawbah: 71

Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, setengahnya menjadi penolong bagi setengahnya yang lain; mereka menyuruh berbuat kebaikan dan melarang daripada berbuat kejahatan dan mereka mendirikan sembahyang dan memberi Zakat, serta taat kepada Allah dan RasulNya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah; sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.

Surah Al-Tawbah: 71

And the believers, both men and women, are allies of one another; they enjoin decency and forbid indecency; they observe prayer and pay the Zakat, and they obey God and His Messenger. Those, God will have mercy on them. Truly God is Mighty, Wise.



28 Surah Al-Tawbah: 103

Ambillah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (Zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk) dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.

Surah Al-Tawbah: 103

Take of their wealth some Zakat, to purify them and to cleanse them thereby, and pray for them; truly your prayers are a comfort for them. And God is Hearer, Knower.

29 Surah Al-Tawbah: 104

Tidaklah mereka mengetahui bahawa Allah Dialah yang menerima taubat dari hamba-hambanya, dan juga menerima sedekah-sedekah (dan Zakat serta membalasnya) dan bahawa sesungguhnya Allah Dialah Penerima taubat, lagi Maha Mengasihani?

Surah Al-Tawbah: 104

Do they not know that God is He Who accepts repentance from His servants and takes the voluntary alms, and that God is He Who is the Relenting and the Merciful?

30 Surah Al-Ra'd: 22

Dan orang-orang yang sabar kerana mengharap keredaan Tuhan mereka semata-mata dan mendirikan sembahyang, serta mendermakan dari apa yang Kami kurniakan kepada mereka, secara bersembunyi atau secara terbuka dan mereka pula menolak kejahatan dengan cara yang baik; mereka itu semuanya adalah disediakan baginya balasan yang sebaik-baiknya pada hari akhirat;

Surah Al-Ra'd: 22

Such as are patient, desiring their Lord's countenance; and maintain the prayer and expend of that which We have provided them, secretly and openly, and repel evil with good; those, theirs shall be the sequel of the [heavenly] Abode:

31 Surah Ibrahim: 31

Katakanlah kepada hamba-hambaku yang beriman hendaklah mereka mendirikan sembahyang dan mendermakan dari apa yang kami kurniakan kepada mereka, samada dengan merahsiakan pemberiannya itu atau dengan terbuka; sebelum datangnya hari yang tidak ada jual beli padanya dan tidak ada sahabat handai (yang dapat memberikan pertolongan).

Surah Ibrahim: 31

Tell My servants who believe that they establish prayers and expend of that which We have provided them, secretly and openly, before a day comes wherein there will be neither bargaining, nor befriending.

32 Surah Al-Isra': 26

Dan berikanlah kepada kerabatmu dan orang miskin serta orang musafir akan haknya masing-masing dan janganlah engkau membelanjakan hartamu dengan boros yang melampau.

Surah Al-Isra': 26

And give the kinsman his due, and the needy and the traveller [as well]; and do not squander.

33 Surah Maryam: 31

Dan Dia menjadikan daku seorang yang berkat di mana sahaja aku berada dan diperintahkan daku mengerjakan sembahyang dan memberi Zakat selagi aku hidup.

Surah Maryam: 31

And He has made me blessed wherever I may be and He has enjoined upon me prayer and the payment of Zakat, as long as I remain alive.

34 Surah Maryam: 55

Dan adalah dia menyuruh keluarganya mengerjakan sembahyang dan memberi Zakat, dan dia pula adalah seorang yang diredai di sisi Tuhannya.

Surah Maryam: 55

He used to enjoin upon his kinsfolk prayer and the payment of Zakat, and he was pleasing to his Lord.

35 Surah Al-Anbiya': 73

Dan Kami jadikan mereka ketua-ketua ikutan, yang memimpin (manusia ke jalan yang benar) dengan perintah Kami dan Kami wahyukan kepada mereka mengerjakan kebaikan dan mendirikan sembahyang, serta memberi Zakat dan mereka pula sentiasa beribadat kepada Kami.

Surah Al-Anbiya': 73

And We made them leaders, guiding by Our command, and We inspired in them the performance of good deeds and the maintenance of prayers and the payment of Zakat, and they used to worship Us.



36 Surah Al-Hajj: 35

(laitu orang-orang yang apabila disebut nama Allah, gerun gementarlah hati mereka dan orang-orang yang sabar (cekal hati) terhadap kesusahan yang menimpa mereka dan orang-orang yang mendirikan sembahyang, serta orang-orang yang mendermakan sebahagian dari rezeki yang Kami berikan kepadanya.

Surah Al-Hajj: 35

Who, when God is mentioned, their hearts tremble, and who endure [patiently] whatever may befall them, and who observe prayer, and who, from that which We have provided them, expend.

37 Surah Al-Hajj: 41

laitu mereka (umat Islam) yang jika Kami berikan mereka kekuasaan memerintah di bumi nescaya mereka mendirikan sembahyang serta memberi Zakat, dan mereka menyuruh berbuat kebaikan serta melarang dari melakukan kejahatan dan perkara yang mungkar dan (ingatlah) bagi Allah jualah kesudahan segala urusan.

Surah Al-Hajj: 41

Those who, if We empower them in the land, maintain the prayer, and pay the Zakat, and enjoin decency and forbid indecency. And with God rests the outcome of all matters.

38 Surah Al-Hajj: 78

Dan berjihadlah kamu pada jalan Allah dengan jihad yang sebenar-benarnya Dialah yang memilih kamu (untuk mengerjakan suruhan agamanya) dan Dia tidak menjadikan kamu menanggung sesuatu keberatan dan susah payah dalam perkara agama, agama bapa kamu Ibrahim. Dia menamakan kamu: Orang-orang Islam semenjak dahulu dan di dalam (Al-Quran) ini, supaya Rasulullah (Muhammad) menjadi saksi yang menerangkan kebenaran perbuatan kamu dan supaya kamu pula layak menjadi orang-orang yang memberi keterangan kepada umat manusia (tentang yang benar dan yang salah). Oleh itu, dirikanlah sembahyang dan berilah Zakat, serta berpegang teguhlah kamu kepada Allah! Dialah Pelindung kamu. Maka (Allah yang demikian sifatNya) Dialah sahaja sebaik-baik Pelindung dan sebaik-baik Pemberi pertolongan.

Surah Al-Hajj: 78

And struggle in the way of God, a struggle worthy of Him. He has elected you, and has not laid upon you in your religion any hardship - the creed of your father Abraham [is yours]. He named you Muslims before, and in this, so that the Messenger might be a witness against you, and that you might be witnesses against mankind. So maintain prayer, and pay the Zakat, and hold fast to God. He is your Patron. An excellent Patron and an excellent Helper.

39 Surah Al-Mu'minun: 1-4

Sesungguhnya berjayaiah orang-orang yang beriman. (1) laitu mereka yang khusyuk dalam sembahyangnya. (2) Dan mereka yang menjauhkan diri dari perbuatan dan perkataan yang sia-sia. (3) Dan mereka yang berusaha membersihkan hartanya (dengan menunaikan Zakat harta itu). (4)

Surah Al-Mu'minun: 1-4

Indeed prosperous are the believers, (1) those who in their prayers are humble, (2) and who shun vain talk, (3) and who fulfil payment of Zakat. (4)

40 Surah Al-Nur: 36-37

(Nur hidayat petunjuk Allah itu bersinar dengan nyatanya terutama sekali) di rumah-rumah ibadat yang diperintahkan oleh Allah supaya dimuliakan keadaannya dan disebut serta diperingat nama Allah padanya; di situ juga dikerjakan ibadat mensuci dan memuji Allah pada waktu pagi dan petang. (36) (Ibadat itu dikerjakan oleh) orang-orang yang kuat imannya yang tidak dilalaikan oleh perniagaan atau berjual beli daripada menyebut serta mengingati Allah dan mendirikan sembahyang serta memberi Zakat; mereka takutkan hari (kiamat) yang padanya berbalik-balik hati dan pandangan. (37)

Surah Al-Nur: 36-37

In houses [whose status] God has allowed to be raised, and wherein His Name is remembered, therein [they] make glorifications to Him in the mornings and the evenings, (36) men whom neither trading, nor sale distracts from the remembrance of God and the observance of prayer and payment of the Zakat. They fear a day when hearts and eyes will be tossed about. (37)

41 Surah Al-Nur: 56

Dan dirikanlah kamu akan sembahyang serta berilah Zakat dan taatlah kamu kepada Rasul Allah; supaya kamu beroleh rahmat.

Surah Al-Nur: 56

And establish prayer and pay the Zakat, and obey the Messenger, that perhaps you may find mercy.



42 Surah Al-Naml: 1-3

Tā sīn. Ini ialah ayat-ayat Al-Quran, juga Kitab yang jelas nyata (kandungannya dan kebenarannya), (1) Menjadi hidayat petunjuk dan berita gembira bagi orang-orang yang beriman, (2) iaitu mereka yang tetap mendirikan sembahyang dan memberi Zakat, sedang mereka pula percaya dengan yakin akan hari akhirat. (3)

Surah Al-Naml: 1-3

Tā sīn. Those are the signs of the Qur'ān and a Manifest Book, (1) a guidance, and good tidings for the believers. (2) Those who observe prayer and give Zakat and who are certain of the Hereafter. (3)

43 Surah Al-Rum: 39

Dan (ketahuilah bahawa) sesuatu pemberian atau tambahan yang kamu berikan, supaya bertambah kembangnya dalam pusingan harta manusia maka ia tidak sekali-kali akan kembang di sisi Allah (tidak mendatangkan kebaikan) dan sebaliknya sesuatu pemberian sedekah yang kamu berikan dengan tujuan mengharapkan keredaan Allah semata-mata, maka mereka yang melakukannya itulah orang-orang yang beroleh pahala berganda-ganda.

Surah Al-Rum: 39

And what you give in usury that it may increase the wealth of the people, does not increase with God. But what you give as Zakat, seeking God's Countenance, such [of you who do so] - they are the receivers of manifold increase.

44 Surah Luqman: 1-4

Alif lām mīm. (1) Ini ialah ayat-ayat Kitab (Al-Quran) yang mengandungi hikmat-hikmat dan kebenaran yang tetap kukuh, (2) Menjadi hidayat petunjuk dan rahmat bagi orang-orang yang sedia mengerjakan amal-amal yang baik (3) iaitu orang-orang yang mendirikan sembahyang dan memberi Zakat, serta mereka yakin tentang adanya hari akhirat. (4)

Surah Luqman: 1-4

Alif lām mīm. (1) Those are the signs of the wise Book, (2) a guidance and a mercy for the virtuous, (3) who maintain the prayer and pay the Zakat and who are certain of the Hereafter. (4)

45 Surah Al-Sajdah: 15-16

Sesungguhnya yang sebenar-benar beriman kepada ayat-ayat keterangan Kami hanyalah orang-orang yang apabila diberi peringatan dan pengajaran dengan ayat-ayat itu, mereka segera merebahkan diri sambil sujud (menandakan taat patuh) dan menggerakkan lidah dengan bertasbih serta memuji Tuhan mereka dan mereka pula tidak bersikap sombong takbur. (15) Mereka merenggangkan diri dari tempat tidur, (sedikit sangat tidur, kerana mengerjakan sembahyang tahajud dan amal-amal soleh); mereka sentiasa berdoa kepada Tuhan mereka dengan perasaan takut (akan kemurkaannya) serta dengan perasaan ingin memperolehi lagi (keredaannya) dan mereka selalu pula mendermakan sebahagian dari apa yang Kami beri kepada mereka. (16)

Surah Al-Sajdah: 15-16

Only those believe in Our signs, who, when they are reminded of them, fall down in prostration and make glorifications in praise of their Lord, and they do not disdain. (15) Their sides withdraw from their lying places to supplicate to their Lord in fear and in hope, and they expend of what We have provided them. (16)

46 Surah Al-Ahzab: 33

Dan hendaklah kamu tetap diam di rumah kamu serta janganlah kamu mendedahkan diri seperti yang dilakukan oleh orang-orang Jahiliah zaman dahulu dan dirikanlah sembahyang serta berilah Zakat dan taatlah kamu kepada Allah dan RasulNya. Sesungguhnya Allah (perintahkan kamu dengan semuanya itu) hanyalah kerana hendak menghapuskan perkara-perkara yang mencemarkan diri kamu wahai "AhlulBait" dan hendak membersihkan kamu sebersih-bersihnya (dari segala perkara yang keji).

Surah Al-Ahzab: 33

And stay in your houses and do not flaunt your finery in the [flaunting] manner of the former Time of Ignorance. And maintain prayer and pay the Zakat, and obey God and His Messenger. Indeed God will but to rid you of sin, People of the House, and to purify you with a thorough purification.



47 Surah Saba': 39

Katakanlah (wahai Muhammad): Sesungguhnya Tuhanku memewahkan rezeki bagi sesiapa yang dikehendakiNya di antara hamba-hambanya dan Dia juga yang menyempitkan baginya; dan apa sahaja yang kamu dermakan maka Allah akan menggantikannya dan Dialah jua sebaik-baik Pemberi rezeki.

Surah Saba': 39

Say: 'My Lord extends provision for whomever He will of His servants, and restricts [it] for him, and whatever thing you may expend, He will replace it. And He is the best of providers'.

48 Surah Fatir: 29

Sesungguhnya orang-orang yang selalu membaca Kitab Allah dan tetap mendirikan sembahyang serta mendemakan dari apa yang Kami kurniakan kepada mereka, secara bersembunyi atau secara terbuka, mereka (dengan amalan yang demikian) mengharapkan sejenis perniagaan yang tidak akan mengalami kerugian.

Surah Fatir: 29

Indeed those who recite the Book of God and observe prayer, and expend of what We have provided them secretly and openly, anticipate a commerce that will never be ruined,

49 Surah Fussilat: 6-7

Katakanlah (wahai Muhammad): Sesungguhnya aku hanyalah seorang manusia seperti kamu; diwahyukan kepadaku bahawa Tuhan kamu hanyalah Tuhan yang Satu; maka hendaklah kamu tetap teguh di atas jalan yang betul lurus (yang membawa kepada mencapai keredaanNya), serta pohonlah kepadaNya mengampuni (dosa-dosa kamu yang telah lalu) dan (ingatlah), kecelakaan besar bagi orang-orang yang mempersekutukanNya (dengan sesuatu yang lain), (6) iaitu orang-orang yang tidak memberi Zakat (untuk membersihkan jiwa dan hartabendanya) dan mereka pula kufur ingkar akan adanya hari akhirat. (7)

Surah Fussilat: 6-7

Say: 'I am only a human being like you. It has been revealed to me [simply] that your God is One God. So be upright [in your conduct] before Him and seek forgiveness from Him. And woe to the idolaters, (6) who do not pay the Zakat and who are disbelievers in the Hereafter. (7)

50 Surah Al-Dharyat: 19

Dan pada harta-harta mereka, (ada pula bahagian yang mereka tentukan menjadi) hak untuk orang miskin yang meminta dan orang miskin yang menahan diri (daripada meminta).

Surah Al-Dharyat: 19

And there was a share in their wealth [assigned] for the beggar and the deprived.

51 Surah Al-Hadid: 7

Berimanlah kamu kepada Allah dan RasulNya dan belanjakanlah (pada jalan kebajikan) sebahagian dari harta benda (pemberian Allah) yang dijadikannya kamu menguasainya sebagai wakil. Maka orang-orang yang beriman di antara kamu serta mereka membelanjakan (sebahagian dari harta itu pada jalan Allah); mereka tetap beroleh pahala yang besar.

Surah Al-Hadid: 7

Believe in God and His Messenger, and expend out of that over which He has made you successors. For those of you who believe and expend will have a great reward.

52 Surah Al-Hadid: 18

Sesungguhnya orang-orang lelaki yang bersedekah dan orang-orang perempuan yang bersedekah, serta mereka memberikan pinjaman kepada Allah, sebagai pinjaman yang baik (ikhlas), akan digandakan balasannya (dengan berganda-ganda banyaknya), dan mereka pula akan beroleh pahala yang mulia.

Surah Al-Hadid: 18

Indeed men who give voluntary alms and women who give voluntary alms and [those of them] who have lent God a goodly loan, it will be multiplied for them and they will have a generous reward.

53 Surah Al-Mujadilah: 13

Adakah kamu takut (akan kemiskinan) kerana kerap kali kamu memberi sedekah sebelum kamu mengadap? Kalau kamu tidak melakukan (perintah) itu dan Allah pun memaafkan kamu (kerana kamu tidak mampu), maka dirikanlah sembahyang dan berikanlah Zakat (sebagaimana yang sewajibnya), serta taatlah kamu kepada Allah dan RasulNya. Dan (ingatlah), Allah Maha Mendalam Pengetahuannya akan segala amalan yang kamu lakukan.

Surah Al-Mujadilah: 13

Do you fear to offer [voluntary] alms before your secret talks. So, as you did not do this, and God relented to you, maintain prayer and pay the Zakat and obey God and His Messenger. For God is Aware of what you do.



54 Surah Al-Munafiqun: 10-11

Dan belanjakanlah (dermakanlah) sebahagian dari rezeki yang Kami berikan kepada kamu sebelum seseorang dari kamu sampai ajal maut kepadanya, (kalau tidak) maka dia (pada saat itu) akan merayu dengan katanya: Wahai Tuhanku! Alangkah baiknya kalau Engkau lambatkan kedatangan ajal matiku ke suatu masa yang sedikit sahaja lagi, supaya aku dapat bersedekah dan dapat pula aku menjadi dari orang-orang yang soleh. (10) Dan (ingatlah), Allah tidak sekali-kali akan melambatkan kematian seseorang (atau sesuatu yang bernyawa) apabila sampai ajalnya dan Allah Amat Mendalam Pengetahuannya mengenai segala yang kamu kerjakan.(11)

Surah Al-Munafiqun: 10-11

And expend of that with which We have provided you before death comes to any of you, whereat he will say, 'My Lord, if only You would reprieve me for a short time so that I might give charity and become one of the righteous!' (10) But God will never reprieve a soul when its term has come. And God is Aware of what you do. (11)

55 Surah Al-Taghabun: 16

Oleh itu bertakwalah kamu kepada Allah sedaya supaya kamu dan dengarlah (akan pengajaran-pengajarannya) serta taatlah (akan perintah-perintahNya) dan belanjakanlah harta kamu (serta buatlah) kebajikan untuk diri kamu dan (ingatlah), sesiapa yang menjaga serta memelihara dirinya daripada dipengaruhi oleh tabiat bakhilnya, maka merekalah orang-orang yang berjaya.

Surah Al-Taghabun: 16

So fear God as far as you can, and listen, and obey and expend; that is better for your souls. And whoever is shielded from the avarice of his own soul, such are the successful.

56 Surah Al-Ma'arij: 18

Dan yang mengumpulkan harta kekayaan lalu menyimpannya (dengan tidak membayar Zakatnya).

Surah Al-Ma'arij: 18

And amassed [wealth], then hoarded [it].

57 Surah Al-Muzzammil: 20

Sesungguhnya Tuhanmu (wahai Muhammad) mengetahui bahawasanya engkau bangun (sembahyang Tahajud) selama kurang dari dua pertiga malam dan selama satu perduanya dan selama satu pertiganya dan (demikian juga dilakukan oleh) segolongan dari orang-orang yang bersama-samamu (kerana hendak menepati perintah yang terdahulu); padahal Allah jualah yang menentukan dengan tepat kadar masa malam dan siang. Dia mengetahui bahawa kamu tidak sekali-kali akan dapat mengira dengan tepat kadar masa itu, lalu Dia menarik balik perintahNya yang terdahulu (dengan memberi kemudahan) kepada kamu; oleh itu bacalah mana-mana yang mudah kamu dapat membacanya dari Al-Quran (dalam sembahyang). Dia juga mengetahui bahawa akan ada di antara kamu orang-orang yang sakit dan yang lainnya orang-orang yang musafir di muka bumi untuk mencari rezeki dari limpah kurnia Allah dan yang lainnya lagi orang-orang yang berjuang pada jalan Allah (membela agamaNya). Maka bacalah mana-mana yang mudah kamu dapat membacanya dari Al-Quran dan dirikanlah sembahyang serta berikanlah Zakat dan berilah pinjaman kepada Allah sebagai pinjaman yang baik (ikhlas) dan (ingatlah), apa jua kebaikan yang kamu kerjakan sebagai bekalan untuk diri kamu, tentulah kamu akan mendapat balasannya pada sisi Allah, sebagai balasan yang sebaik-baiknya dan yang amat besar pahalanya dan mintalah ampun kepada Allah; sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.

Surah Al-Muzzammil: 20

Assuredly your Lord knows that you stand vigil less than two thirds of the night, or [at times] a half of it or a third of it along with a group of those with you; and God measures the night and the day. He knows that you will not be able to keep count of it, and so He has relented to you. So recite as much as is feasible of the Qur'an. He knows that some of you will be sick, while others will be travelling in the land, seeking the bounty of God, and others will be fighting in the way of God. So recite as much as is feasible of it and perform prayer and pay Zakat and lend God a goodly loan. For whatever good you send ahead for [the sake of] your souls, you will find that, with God, it will be better and greater in terms of reward. And seek forgiveness from God; assuredly God is Forgiving, Merciful.



58 Surah Al-Bayyinah: 5

Pada hal mereka tidak diperintahkan melainkan supaya menyembah Allah dengan mengikhhlaskan ibadat kepadaNya, lagi tetap teguh di atas tauhid dan supaya mereka mendirikan sembahyang serta memberi Zakat dan yang demikian itulah agama yang benar.

Surah Al-Bayyinah: 5

They were commanded only to serve God, making the religion His sincerely, men of pure faith, and to perform the prayer, and pay the Zakat. That is the religion of the True.